



**MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**  
**PERSIARAN MAJLIS, JALAN SULTAN ALAM SHAH,**  
**42700 BANTING, SELANGOR DARUL EHSAN.**  
**TEL : 03-3853 0303 FAKS : 03-3187 9304**  
[www.mpkl.gov.my](http://www.mpkl.gov.my)

---

**IKLAN JAWATAN KOSONG**

**NO. FAIL : MPKL/JKP/01/PERKH/024 JLD.6 (1)**

Permohonan dipelawa kepada warganegara Malaysia, **keutamaan akan diberi kepada rakyat DYMM Sultan Selangor Darul Ehsan** yang berkelayakan dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun sehingga 56 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi jawatan seperti yang berikut:

<b>BIL.</b>	<b>JAWATAN</b>	<b>GRED</b>	<b>TARAF</b>	<b>BILANGAN KEKOSONGAN</b>
1.	PENOLONG PEGAWAI UNDANG-UNDANG	L29	KONTRAK	1

**Tarikh permohonan pada 21 Julai sehingga 3 Ogos 2023**

**1. PENOLONG PEGAWAI UNDANG-UNDANG GRED L29**

- i. Taraf Jawatan : Kontrak
- ii. Kekosongan : 1
- iii. Jadual Gaji : Gaji Minimum : RM1,773.00 – Gaji Maksimum : RM5,674.00
- iv. Imbuhan Tetap Khidmat Awam : RM160.00
- v. Imbuhan Tetap Perumahan : RM300.00
- vi. Bantuan Sara Hidup : RM300.00
- vii. Kenaikan Gaji Tahunan : RM145.00

**SYARAT-SYARAT KELAYAKAN**

- a) Diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred L29: RM1,773.00); atau**
- b) diploma dalam bidang undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred L29: RM1,847.86) dan**
- c) kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## **Cara Memohon :**

- a) Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan yang boleh diperolehi di Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Kuala Langat, Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah, 42700 Banting atau muat turun dari laman web [www.mpkl.gov.my](http://www.mpkl.gov.my).
- b) Permohonan daripada pegawai yang sedang berkhidmat dengan kerajaan/ Badan Berkanun / Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah melalui Ketua Jabatan mengikut Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.
- c) Borang permohonan yang lengkap hendaklah disertakan dengan gambar berukuran pasport, salinan kad pengenalan pemohon, salinan kad pengenalan ibu dan bapa pemohon, salinan sijil kelahiran pemohon, salinan sijil kelahiran ibu dan bapa pemohon, salinan sijil-sijil akademik dan ko-kurikulum serta salinan sijil-sijil penghargaan yang telah diakui sah oleh Wakil Rakyat/ Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan & Profesional/ Pengetua/ Guru Besar/ Penghulu/ Ketua Kampung. Nama jawatan hendaklah dicatat di penjuru kanan sampul surat.
- d) Sijil dan diploma perlu disertakan bersama-sama surat pengiktirafan kelayakan perkhidmatan awam dari Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency, MQA*)
- e) Permohonan yang tidak lengkap akan ditolak dan hanya calon-calon yang layak melepasi tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.
- f) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan adalah tidak berjaya.
- g) Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar selewat-lewatnya jam 4.30 petang pada tarikh tutup permohonan ke :

**Bahagian Sumber Manusia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan,  
Majlis Perbandaran Kuala Langat,  
Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah,  
42700 BANTING**